# Bernama - Elaun Khas Suntik Semangat Petugas Barisan Hadapan - CUEPACS

Jumaat, Mac 27 2020

**KUALA LUMPUR, 27 Mac --** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berkata elaun khas kepada petugas barisan hadapan mampu menyuntik semangat kerja mereka terutama dalam menjalankan tugasan bagi menghadapi penularan wabak COVID-19.

Presidennya, Adnan Mat berkata elaun khas yang diberikan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) itu tepat pada masanya dan membuktikan bahawa kerajaan amat peka terhadap kebajikan selain menghargai pengorbanan golongan tersebut.

"Dalam masa yang sama, CUEPACS memohon pertimbangan khas kerajaan untuk memanjangkan pemberian elaun ini kepada pasukan Bomba dan Pihak Berkuasa Tempatan yang juga terlibat secara langsung sebagai petugas barisan hadapan," menurutnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengumumkan peningkatan elaun khas daripada RM400 kepada RM600 bagi petugas kesihatan seperti doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan serta pembendungan wabak itu.

Bagi anggota tentera, polis, kastam, imigresen, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, mereka akan menerima elaun khas RM200 sebulan.

Elaun ini juga akan dibayar mulai 1 April 2020 sehingga wabak COVID-19 berakhir.

CUEPACS turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan atas bantuan tunai RM500 kepada penjawat awam yang disifatkan beliau sedikit sebanyak membantu mereka, terutama golongan B40, membeli barangan makanan dan keperluan.

-- BERNAMA

- Arkib Pertanyaan & Maklumbalas
- Permohonan Data
- Pelan Pemulihan Ekonomi: Jangka Pendek
- Statistik & Prestasi
- Statistik Data Ekonomi
- Statistik Perkhidmatan Atas Talian
- Prestasi Pembayaran Bil Dan Tuntutan
- Pautan
- Data Dictionary Sektor Awam
- Data Terbuka Malaysia
- HRMIS
- Laman Web KSN
- Microsoft Master Licensing Agreement
- MSC Malaysia
- MyGovernment
- MyTradeLink

- Agensi
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Bursa Malaysia Berhad
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPHM)
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
- Lembaga Pembiayaan

Perumahan Sektor Awam (LPPSA)
- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)
- Perbendaharaan Sabah
- Perbendaharaan Sarawak
- Suruhanjaya Sekuriti
- Unit Kerjasama Awam Swasta
- Yayasan Tun Razak

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 /
03-88823894

Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian
Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.
Kemaskini terakhir: 18 Mac 2021 | Jumlah Pelawat: 27637216

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data